



**Malaysian
Aviation Commission**
Suruhanjaya Penerbangan Malaysia

NO. 1 TAHUN 2018

**PINDAAN KEPADA ARAHAN BERKENAAN PELAKSANAAN RANGKA
KUALITI PERKHIDMATAN DI LAPANGAN TERBANG
ANTARABANGSA KL DAN LAPANGAN ANTARABANGSA KL 2 (2024)**

Arahan ini dikeluarkan oleh Suruhanjaya Penerbangan Malaysia ("**Suruhanjaya**") menurut seksyen 98A Akta Suruhanjaya Malaysia 2015 [*Akta 771*].

1.1 Arahan ini boleh dinamakan sebagai Pindaan kepada Arahan Berkenaan Pelaksanaan Rangka Kualiti Perkhidmatan di Lapangan Terbang Antarabangsa KL dan Lapangan Terbang Antarabangsa KL 2 No. 1 tahun 2018 (2024).

1.2 Arahan ini mula berkuat kuasa pada 2 Mei 2024.

Pindaan subperenggan 3.2(c)

2. Subperenggan 3.2(c) Arahan Berkenaan Pelaksanaan Rangka Kualiti Perkhidmatan di Lapangan Terbang Antarabangsa KL dan Lapangan Terbang Antarabangsa KL 2 No. 1 tahun 2018, yang disebut "Peraturan ibu" dalam Arahan ini dipinda—

- (a) dengan menggantikan subperenggan (i) dengan subperenggan yang berikut:

“(i) ketersediaan perkhidmatan bas”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subperenggan (i) dengan subperenggan yang berikut:

“(iA) ketepatan masa perkhidmatan bas; dan”

Pindaan perenggan 4.6

3. Perenggan 4.6 Arahan ibu dipinda dengan menggantikan takrif “User Fee” dengan takrif berikut:

‘ “User Fee” mempunyai erti sepertimana yang diberikan di dalam *Operating Agreement for KL International Airport* bertarikh 18 Mac 2024 di antara Kerajaan Malaysia, Malaysia Airports Holdings Berhad dan Malaysia Airports (Sepang) Sdn. Bhd.’

Pindaan Jadual 1

4. Bagi bilangan No. 3 Aliran penumpang, Arahan ibu dipinda dengan menggantikan butiran di ruangan (3) Elemen kualiti perkhidmatan bagi Ketersediaan 2 *Aerotrain* TTS (KLIA sahaja) dan Ketersediaan 1 *Aerotrain* TTS (KLIA sahaja), bersama-sama dengan ruangan-ruangan (4) Mekanisme pengukur (bulanan) dan (5) Sasaran dengan yang berikut:

(1) No.	(2) Kategori kualiti perkhidmatan	(3) Elemen kualiti perkhidmatan	(4) Mekanisme pengukur (bulanan)	(5) Sasaran	(6) Hasil berisiko (Revenue at risk) (%)
3.	Aliran penumpang	Ketersediaan perkhidmatan bas (KLIA sahaja)	Sistem pengesanan yang didayakan GPS pada bas	99% - ketersediaan perkhidmatan bas	0.25
		Ketepatan masa perkhidmatan bas (KLIA sahaja)	Sistem pengesanan yang didayakan GPS pada bas	99% - ketepatan masa bas berdasarkan selang masa 4 minit	0.25

Datuk Seri Hj. Saripuddin bin Hj. Kassim
Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Penerbangan Malaysia

Dikeluarkan oleh



**Malaysian
Aviation Commission**
Suruhanjaya Penerbangan Malaysia

Level 19, Menara 1 Sentrum,
201, Jalan Tun Sambanthan,
50470 Kuala Lumpur,
Malaysia.